

18/04/2004

SIC mahu bangunkan MSS

Ahmad Fiesal Othman

SEPANG International Circuit (SIC) berhasrat menjadikan siri perlumbaan Malaysian Super Series (MSS) sebagai kejuaraan tempatan terunggul serta pemangkin kepada pembangunan sukan pemotoran negara.

Pengerusi SIC, Datuk Mokhzani Tun Mahathir, ketika melancarkan edisi ketiga MSS semalam berazam untuk menjadikan kejuaraan itu sebagai agenda perdana sukan pemotoran tanah air.

"Kejayaan Malaysian Super Series ini sebenarnya bukan saja penting buat SIC, tetapi juga untuk sukan pemotoran nasional secara keseluruhan," kata Mokhzani dalam ucapan pelancarannya di Litar Sepang semalam.

"Ini kerana kejuaraan MSS dicipta sebagai pemangkin kepada pembangunan sukan bermotor tanah air. Melalui MSS, kami berharap untuk menarik seberapa ramai mungkin rakyat tempatan untuk menyertai perlumbaan ini.

"Ia bukan hanya tertumpu kepada pelumba, tetapi juga sebagai krew sokongan sama ada sebagai pengurus, jurutera perlumbaan, mekanik, pentadbir, pegawai pemasaran ataupun pegawai media kerana dalam Malaysian Super Series, kita bukan hanya bercakap mengenai pembabitan sebagai pelumba," tambahnya.

Menurut Mokhzani, MSS ialah mengenai pakej lengkap daripada penyediaan kereta dan enjin, pengurusan kewangan dan bajet sehingga kepada penampilan dalam media massa, yang secara langsung akan membantu membangunkan industri sukan pemotoran negara.

"Harapan kami di SIC adalah untuk meneruskan kejayaan yang telah dikecapi pada kedua-dua musim lepas dan menjadikan Malaysian Super Series 2004 lebih cemerlang.

"Kami di SIC percaya bahawa prospek untuk sukan pemotoran berkembang sebagai industri dan penjana ekonomi negara adalah cerah. Ini khususnya bagi Malaysia, yang menjadi antara negara pengeluar kereta dan motosikal.

"Litar perlumbaan berpotensi menjadi gelanggang untuk penyelidikan dan pembangunan (R&D) serta medan untuk mempromosi produk dan perkhidmatan di mana jentera perlumbaan adalah platform yang cukup berkesan untuk tujuan pengiklanan," katanya.

Kejuaraan Malaysian Super Series yang dilancarkan kali pertama 11 Mei 2002 ialah ilham bekas pengerusi SIC, Tan Sri Basir Ismail yang percaya bahawa Malaysia memerlukan lebih banyak lagi acara atau perlumbaan tempatan untuk memberi peluang kepada pembabitan lebih luas di kalangan peminat sukan pemotoran tanah air.

MSS 2004, yang akan mempertandingkan saingan kelas Supercar, Supersixteen, Superbike, Supersports dan Production Bike akan berlangsung dalam enam pusingan dengan pusingan pertama diadakan di Litar Sepang pada 24 dan 25 April ini.